

Hassan Ahmad

BAHASA MELAYU DAN MINDA MELAYU: SUATU TINJAUAN KRITIS

Bahasa Beridentik Dengan Bangsa?

Bahasa seringkali dipercayai mempunyai hubungan genetik yang erat dengan bangsa yang menggunakan bahasa itu. Kepercayaan ini selalu diungkapkan dengan kata-kata seperti 'bahasa jiwa bangsa' atau bahasa 'penanda jati diri bangsa', atau 'bahasa menunjukkan bangsa'. Kepercayaan ini bertepatan pula dengan 'teori' ilmu antropologi budaya atau antropologi linguistik tradisional yang mengandaikan bahawa salah satu ciri yang membezakan satu kumpulan etnik atau 'bangsa' dengan kumpulan etnik lain ialah bahasa asli yang digunakan oleh kumpulan etnik itu.

Tetapi kita juga tahu bahawa bahasa dapat berfungsi sebagai *lingua franca*, yakni fungsinya merentas sempadan etnik, dan latar geososial bahasa ini dapat pula berkembang atau dijadikan asas untuk mengangkat peranan bahasa itu sebagai pembentuk entiti atau kesatuan geopolitik yang kita sebut 'negara' atau *state*, yakni, kita dapat menyaksikan bagaimana satu-satu bahasa itu dapat melepasi kesedaran etnik untuk membentuk suatu kesedaran bersama, yang boleh kita sebut kesedaran kenegaraan, menggantikan kesedaran nasionalisme bahasa yang biasanya dikaitkan dengan etnisiti atau 'bangsa' dari segi maksud antropologi budayanya. Misalnya, di Indonesia, bahasa Melayu sudah lama tidak berkait lagi dengan etnik Melayu. Bahasa ini digunakan oleh beberapa banyak kumpulan etnik/bangsa di Indonesia yang mempunyai bahasa asli atau 'bahasa etnik' masing-masing, misalnya orang Jawa, orang Makasar/Bugis, orang Aceh dan orang Minang, masing-masing mempunyai bahasa aslinya sendiri. Jadi,

bahasa Melayu, yang dari segi keserasian politiknya disebut 'bahasa Indonesia' itu, sudah merupakan bahasa 'negara-bangsa' Indonesia, bahasa rasmi dan bahasa nasional yang nampaknya sudah terserap dalam jiwa bangsa multi-etnik Indonesia sehingga mereka secara spontan menganggap itulah bahasa negara Indonesia, bahasa yang sejak tahun 1928 diisytiharkan, melalui peristiwa Sumpah Pemuda Indonesia, sebagai bahasa pemersatuan penduduk Indonesia.

Soal yang timbul ialah, bahasa apakah yang 'mempengaruhi' minda atau fikiran 'bangsa Indonesia' yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik dan bahasa daerah itu? Apabila orang Jawa-Indonesia, misalnya, bercakap dalam bahasa Jawa, apakah dia berfikir dalam bahasa Jawa atau, dengan kata lain, fikirannya dipengaruhi oleh bahasa Jawa, dan kemudian apabila dia bercakap atau menulis dalam bahasa Indonesia, apakah fikirannya berubah, kali ini dipengaruhi pula oleh sistem bahasa Indonesia yang sebenarnya ialah bahasa Melayu? Soalan yang sama dapat ditanyakan juga berhubung dengan penduduk Malaysia yang juga terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik dan bahasa. Apabila orang Cina atau India warga Malaysia bercakap atau menulis dalam bahasa Melayu, apakah mereka berfikir menurut fikiran orang Melayu atau menurut fikiran orang Cina atau India, atau fikiran mereka dipengaruhi oleh bahasa Melayu? Dan yang terakhir, sesuai dengan tajuk yang hendak kita bincangkan ini, adakah atau setakat manakah minda orang Melayu dipengaruhi oleh bahasa Melayu, atau sebaliknya minda Melayu (budaya Melayu) mempengaruhi bahasa Melayu?

Selain ini, mari kita fikirkan tentang senario ini: bayi yang dilahirkan dalam keluarga etnik Cina: apabila bayi itu segera diambil sebagai anak angkat oleh keluarga Melayu, kita tahu bahawa si bayi itu akan membesar dengan menguasai bahasa Melayu, tidak bahasa Cina, walaupun keturunan etniknya ialah Cina, bukan asalnya Melayu. Banyak orang menyangka bahawa si bayi itu akan membesar dengan pengaruh genetik asalnya,

tidak oleh bahasa asli yang digunakannya, iaitu bahasa Melayu. Tetapi peranan budaya, pengaruh lingkungan sosial yang terdekat, dan pengaruh alam persekitaran juga cukup penting sebagai faktor yang mempengaruhi proses pembentukan minda atau fikiran si bayi itu dalam proses pembesarannya menjadi orang dewasa dalam masyarakat.

Jadi, berdasarkan senario itu pula, hubungan genetik antara bahasa dengan bangsa yang menggunakan bahasa itu nampaknya memerlukan kita melihat semula kepercayaan biasa yang mengaitkan bahasa, secara genetik, dengan bangsa yang menggunakan bahasa itu sebagai bahasa aslinya. Akan lebih tepat kiranya hubungan antara bahasa dengan bangsa yang menggunakan bahasa itu dianggap sebagai hubungan budaya. Dan apabila kita bercakap tentang budaya sesuatu bangsa kita sebenarnya masuk ke medan yang cukup luas tentang bangsa itu: kita menyentuh mindanya atau pandangan hidup bangsa itu, fikirannya, peradaban atau tamadunnya. Dengan demikian, dapatkah kita melihat kata-kata seperti 'bahasa jiwa bangsa' itu sebagai tanda kesedaran sesuatu bangsa tentang peranan bahasanya sebagai cetusan atau cerminan budaya bangsa yang menciptakan bahasa itu?

Jawapan terhadap soalan-soalan yang ditimbulkan itu diharap dapat kita renungi bersama dan menentukan jawabannya setelah kita membincangkan beberapa 'teori' atau 'hipotesis' tentang hubungan antara bahasa dengan bangsa atau fikiran manusia yang menggunakan bahasa itu.

Bahasa Menentukan Fikiran Manusia?

Di Barat, ada hipotesis yang mengandaikan bahawa bahasa adalah penentu fikiran atau minda manusia, atau fikiran bergantung pada bahasa¹. Hipotesis ini disebut *linguistic determinism*, dalam bahasa Melayunya boleh kita sebut hipotesis 'ketentuan linguistik'. Versinya yang lebih 'lembut' disebut *linguistic relativism* atau 'kerelatifan linguistik' yang mengandaikan

bahawa fikiran atau 'pandangan hidup' manusia berbeza-beza disebabkan perbezaan bahasa yang mereka gunakan. Kedua-dua hipotesis ini dikaitkan dengan dua orang pemikir antropologi bahasa Amerika yang terkenal, iaitu Edward Sapir (1884–1939), dan anak muridnya, Benjamin Lee Whorf (1897–1941). Mereka telah mencetuskan perbahasan dan polemik yang panjang lebar, mulai tahun-tahun 1940-an hingga sekarang.²

Hipotesis '*Linguistic Determinism*'

Sapir berkata bahawa manusia "...are very much at the mercy of the particular language which has become the medium of expression of their society..."(Sapir, 1985: 162). Sapir seolah-olah percaya bahawa manusia atau fikiran manusia itu adalah 'mangsa' bahasa yang mereka gunakan. Whorf pula berkata, "We dissect nature along lines laid down by our native language" (Whorf 1940), maksudnya, kita 'mengerat-ngerat' (yakni, menanggapi) alam tabii ini menurut peraturan yang ditentukan oleh bahasa kita. Beliau selanjutnya berpendapat bahawa sistem tatabahasa yang berbeza-beza menyebabkan pengguna bahasa menanggapi dan menilai alam ini dengan fikiran atau pandangan yang berbeza-beza juga.³

Sebagai contoh *linguistic determinism*, Whorf cuba menunjukkan bagaimana bahasa kaum Hopi di Amerika memperlihatkan 'fikiran' yang berbeza dengan fikiran orang yang berbahasa Eropah (Inggeris dan lain-lain) berdasarkan konsep waktu. Menurut Whorf, dalam bahasa Hopi tidak terdapat perkataan, bentuk nahu (tatabahasa), konstruksi bahasa atau ungkapan yang secara langsung merujuk kepada konsep 'waktu' atau *time*, atau kepada masa lampau, masa akan datang, atau konsep *enduring or lasting* (berterusan atau berkekalan). Beliau juga berpendapat bahawa kaum Hopi tidak mempunyai tanggapan tentang *exact sequences, dating, calenders, chronology*.

Jadi, kesimpulan Whorf ialah, cara berfikir kaum Hopi tidak sama dengan cara berfikir orang Eropah, khususnya yang berkaitan dengan konsep waktu. Fikiran mereka tidak konkrit atau *linear*, seperti fikiran orang Barat yang berupaya 'mengkonkritkan masa' atau waktu sebagai 'benda' yang dapat ditanggap atau digambarkan oleh minda objektif manusia.

Kelemahan Hipotesis Ketentuan Linguistik

Beberapa banyak pengkaji dan pengkritik menolak hipotesis ketentuan linguistik ala-Sapir-Whorf ini.⁴ Steven Pinker (1994), misalnya, menunjukkan kepalsuan pendapat Whorf tentang ketiadaan konsep waktu di kalangan kaum Hopi. Beliau merujuk kajian mendalam yang dilakukan oleh ahli antropologi Amerika, Ekhehart Malotki (1983, dalam Pinker 1994, hlm. 63) yang membuktikan bahawa bahasa Hopi mengandungi banyak ungkapan dan perkataan yang merujuk kepada kala atau masa: misalnya, unit-unit masa, termasuk konsep hari, bilangan hari, bahagian-bahagian hari, konsep kelmarin, esok, konsep minggu, dan hari-hari dalam seminggu, bulan, musim, dan tahun, yang tidak disampaikan secara '*literal*' tetapi secara tersirat, yakni melalui bahasa metafora. Menurut beberapa orang pengkaji, termasuk Pinker, Whorf sebenarnya tidak memahami bahasa figuratif dan metafora kaum-kaum peribumi Amerika, khususnya kaum Hopi. Oleh yang demikian ungkapan-ungkapan bahasa Hopi yang berbentuk metafora diterjemahkannya secara harfiah atau *literal*, hasilnya lahir 'makna yang 'pelik', 'aneh' dan 'luar biasa'. Berdasarkan terjemahan yang salah itulah dia membuat kesimpulan mengatakan betapa pelik dan berbezanya fikiran kaum Hopi itu berbanding dengan fikiran orang Eropah.

Beberapa alasan yang kuat dapat kita kemukakan untuk menolak hipotesis ketentuan linguistik ini.

Pertama, Jika hipotesis ini benar, tentulah sukar bagi orang yang bahasanya sudah ditentukan atau 'dibatasi' oleh peraturan tertentu bahasanya untuk menyatakan konsep-

konsep baru, atau untuk memahami fikiran orang lain yang menggunakan bahasa lain, atau untuk memindahkan ilmu dari satu bahasa ke satu bahasa lain melalui proses penterjemahan. Seperti kata David Crystal (1994:342), hakikat bahawa terjemahan dari satu bahasa ke bahasa lain dapat dilakukan dengan jayanya merupakan hujah paling kuat untuk menolak hipotesis Sapir-Whorf itu.

Kedua, sejarah perkembangan bahasa menunjukkan bahawa fikiran manusia sentiasa mendahului perkembangan bahasa. Sebagai contoh, bahasa Inggeris baru mampu secara jelas menjadi bahasa sains mulai abad ke-15 atau ke-16/17 setelah lahir beberapa orang manusia seperti Roger Bacon dan Issac Newton yang mencetuskan fikiran atau ilmu sains fizik mekanik, misalnya. Newton pada mulanya terpaksa menulis karya sainsnya dalam bahasa Latin. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun dia bangsa Inggeris, dia boleh pula berfikir dalam atau melalui bahasa Latin. Kemudian baru berlaku proses pengambilan atau peminjaman kata atau istilah yang banyak dari bahasa Greek dan Latin. Hari ini, lebih 80% daripada istilah ilmu, terutama ilmu sains dan teknologi, dalam bahasa Inggeris berasal daripada bahasa Greek dan Latin, dan tidak kurang juga daripada bahasa Perancis dan bahasa-bahasa lain. Jadi, kalau bahasa asli orang Inggeris (iaitu *Anglo-Saxon English*) menentukan kemajuan fikiran orang Inggeris, mengapakah ahli-ahli sains berbahasa Inggeris itu boleh mengungkapkan idea dan konsep baru dengan meminjam banyak istilah daripada bahasa lain, terutama bahasa Latin dan bahasa Greek?

Kesimpulan yang dapat kita buat ialah, yang menentukan perkembangan bahasa Inggeris itu sebagai 'bahasa saintifik' ialah perkembangan fikiran sekumpulan orang berbahasa Inggeris yang disebut 'ahli sains' atau pemikir. Istilah asing dipinjam atau diserapkan ke dalam bahasa Inggeris untuk mengungkap 'benda' atau 'konsep' yang belum diketahui atau difikirkan oleh orang yang berbahasa Inggeris. Dan ini ialah masalah peristilahan, bukan masalah kognisi atau fikiran. Istilah ialah 'tanda' atau 'lambang bahasa' yang boleh sahaja

diciptakan sesuai dengan perkembangan fikiran manusia.

Proses yang sama berlaku juga pada bahasa Melayu sejak ratusan tahun dahulu. Dengan masuknya ilmu, konsep dan benda-benda baru dari dunia luar, maka bahasa Melayu turut berkembang dengan kemasukan ratusan perkataan dan istilah baru, dari bahasa Sanskrit dan terutama dari bahasa Arab, untuk mengungkapkan ilmu dan idea-idea baru, misalnya tentang teologi Islam, tentang konsep dan kosmologi ketauhidan, tentang usuluddin dan tentang ilmu atau metafizik tasawuf. Hamzah Fansuri, penyair agung sufi Melayu abad ke-17 (di Aceh), menyerap tidak kurang daripada 700 perkataan dan istilah dari bahasa Arab dalam karya-karya puisi dan prosa tasawufnya dalam bahasa Melayu. Proses ini menunjukkan keterbukaan minda Melayu untuk menerima dan menyerap unsur-unsur budaya, tamadun dan pemikiran dunia luar untuk memperkaya budaya dan tamadun sendiri – khususnya melalui kegiatan penulisan dan wacana ilmu – dalam bahasanya sendiri.

Jadi, berdasarkan evolusi budaya bahasa, kita tahu bahawa perkembangan bahasa bergantung pada perkembangan fikiran manusia, tidak sebaliknya. Yang menciptakan bahasa ialah minda manusia, seperti yang ditegaskan oleh Pinker pada tajuk bukunya: *How the Mind Creates Language*.

Ketiga, sistem atau peraturan tatabahasa bahasa boleh jadi berbeza-beza tetapi ini tidak bererti bahawa fikiran atau makna yang disampaikan juga berbeza. Jadi, tidak benarlah kalau dikatakan bahawa orang yang menggunakan bahasa yang berbeza-beza akan membentuk 'pandangan sejagat' atau *world-view* yang berbeza-beza atau yang tidak dapat difahami oleh bangsa lain yang menggunakan bahasa yang berlainan. Ini bererti, hipotesis *linguistic relativism* atau kerelatifan linguistik juga ditolak, walaupun tidak secara drastik atau sepenuhnya, oleh para pakar sains kognitif. Steinberg (1982/1992), misalnya, berpendapat bahawa jika andaian ini

benar, maka berertilah orang yang menguasai pelbagai bahasa (*multilinguals*) tentulah akan menanggapi alam ini dengan pandangan atau *world-views* yang berbeza-beza. Beliau menolak pendapat ini dengan memberikan contoh bahawa di dunia ini banyak negara atau bangsa menggunakan bahasa yang berbeza-beza, namun mereka tetap dapat menganut sistem atau kepercayaan politik, sosial, agama, sains dan falsafah yang sama atau hampir-hampir sama (Steinberg, hlm.112). Steinberg juga berkata bahawa sesuatu bangsa boleh mengalami perubahan dalam pandangan hidupnya walaupun sistem bahasanya tidak berubah. Contoh yang dapat kita berikan ialah, perubahan pandangan hidup atau *weltanschauung* bangsa Melayu daripada kepercayaan animistik kepada kepercayaan panteistik (*Hinduisme*) dan akhirnya kepada kepercayaan ketauhidan menurut pandangan jagat Islam. Tetapi sistem atau peraturan linguistik bahasa Melayu tetap tidak berubah. Dengan kata lain, orang Melayu tidak terpaksa bercakap atau menulis dalam bahasa Arab untuk membincangkan konsep-konsep baru yang datang dari tamadun Arab-Islam itu.

Proses ini dijelaskan lagi oleh Ray Jackendoff (1994) dengan berkata bahawa bahasa dan pemikiran, walaupun berkaitan, sebenarnya merupakan dua bentuk 'informasi mental' (*mental information*) yang berbeza. Alasannya ialah, hampir semua perkara yang diperkatakan atau difikirkan dalam satu-satu bahasa dapat diterjemahkan ke dalam apa-apa bahasa yang lain tanpa mengubah isi fikiran yang terungkap dalam bahasa asal (bandingkan dengan pendapat Crystal, tersebut di atas). Ini bererti bahawa pemikiran tidak terikat dengan mana-mana bentuk bahasa yang digunakan (Jackendoff 1994: 184).

Keempat, pemikiran ialah proses kognisi yang berlaku secara yang tidak disedari oleh manusia. Jadi, jikalau orang Melayu bertanya: Apabila saya berfikir, tidakkah saya 'berfikir dalam bahasa Melayu'? Bagaimana mungkin pemikiran berbeza daripada bahasa? Jawapan Jackendoff kepada soalan seperti ini ialah, "... the language that we hear in our heads while thinking

is a conscious manifestation of the thought – not the thought itself which isn't present to consciousness" (Jackendoff 1994: 187), maksudnya, bahasa yang kita dengar (bunyinya) dalam kepala (otak) kita semasa kita sedang berfikir ialah manifestasi sadar dari fikiran itu tetapi bahasa itu bukan pemikiran – pemikiran yang tidak dapat kita sedari, tidak dapat kita 'dengar', dalam benak kita. Jackendoff cuba membuktikan pendapat ini dengan mengemukakan dua contoh: Pertama, apabila dua orang yang berdwibahasa (*bilinguals*) berfikir, mereka sebenarnya boleh berfikir dalam dua bahasa, seperti juga penterjemah buku dari bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu: mereka dapat berfikir dalam dua bahasa tentang perkara yang sama.⁵ Ini bererti bahawa fikiran/pemikiran mereka sama, tidak kira dalam bahasa apakah mereka berfikir itu. Hal ini mungkin, hanya jika sekiranya bentuk fikiran itu tidak terikat dengan mana-mana bahasa yang digunakan itu, dan hal inilah yang tidak disedari oleh orang yang berdwibahasa itu.

Contoh kedua, Jackendoff mengajak kita mengingat tentang pengalaman kita 'mengetahui sesuatu secara intuitif' atau melalui 'rasa hati'. Di sini, proses berfikir tentu sedang berlaku dalam kepala atau otak kita, cuma kita tidak menyedarinya. Hanya jikalau pemikiran bersifat *unconscious*, baru mungkin berlaku pengalaman intuitif itu.

Pemikiran ialah Proses Kognitif, Bukan Proses Linguistik

Seringkali orang cuba mengaitkan kelakuan manusia atau cara berfikir mereka dengan sistem bahasa yang digunakan oleh bangsa itu. Misalnya, bangsa Arab dari rumpun semitik (Samiya) dikatakan mempunyai gaya fikir khas yang dicerminkan dalam struktur bahasa mereka. Pengalaman mereka menghadapi atau menanggapi alam tabii dikatakan bersifat *jadali*, jadi cara berfikir mereka dikatakan bersifat dialektik, dualistik atau paralelisme-antitesis. Cara berfikir ini tidak sama dengan fikiran dialektik Marxis atau bangsa Yunani tetapi dialektik antara dua wujud pengetahuan yang mutlak berbeza tetapi saling berkaitan. Menurut sikap mental ini selalu ada dua hal yang

dipertentangkan, misalnya: *Khalik-makhluk, mukmin-kafir, baqa-fana, wujud-'adam, ghaib-syuhud, haram-halal, haq-batil, ma'ruf-munkar, wajib-mumkin*, dll (JWM Bakker SY (1984). Cara berfikir bangsa Yunani (Greek) pula dikatakan bersifat sintesis, bersinambungan dan analogis. Sistem falsafah Yunani dikatakan menuju ke arah pembinaan seluruh kenyataan alam secara hierarkis. Bangsa Barat pula, pada asasnya, dikatakan berfikiran kategorikal: segala hal di alam ini dan dalam kehidupan manusia dipecah-pecahkan kepada juzuk-juzuk konsepsi yang bersementaraan, misalnya jasad-minda, *occidentalisme-orientalisme*, Barat-Timur, ideologi komunisme/ sosialisme lawan ideologi kapitalisme dan demokrasi liberal, dan sebagainya. Barangkali ini pengaruh pemikiran '*Cartesian Dualism*' Rene Descartes mulai abad ke-17 di Eropah yang memisahkan jasad daripada roh atau minda manusia - kaedah pemikiran yang cukup materialistik-rasionalistik sifatnya.

Sehubungan dengan ini, saya teringat pandangan seorang sahabat saya – bukan Melayu – yang berkata bahawa sistem bahasa Melayu boleh menyebabkan orang Melayu berfikir meleret-leret, panjang-panjang dan lambat, katanya. Contoh yang diberikan ialah kata ulang dalam BM, misalnya kata yang menunjukkan jamak. Jadi, perkataan jamak seperti 'jawatankuasa-jawatankuasa' menyebabkan fikiran orang Melayu menjadi 'lambat', tidak cepat. Dalam bahasa Inggeris, perkataan jamak atau *pluralnya* ialah *committees*; hanya satu 'huruf' (istilah linguistiknya ialah morfem) sahaja, iaitu 's', yang digunakan untuk menandakan jamak. Ini bererti, kata sahabat saya itu, fikiran orang Inggeris 'lebih cepat' daripada fikiran orang Melayu. Saya tidak tahu bagaimana hendak mengukur kecepatan atau kelambatan berfikir berdasarkan saiz perkataan atau sistem nahu (tatabahasa). Lagi pun, soal ini tidak penting. Saya bertanya sahabat saya itu, bagaimana tentang bahasa Jerman, misalnya. Perkataan dalam bahasa ini biasanya panjang-panjang. Adakah ini bererti bahawa orang Jerman berfikiran lambat? Dalam bahasa Inggeris juga terdapat banyak perkataan yang panjang-panjang, misalnya *institutionalisation*,

democratisation, politicisation, dehumanisation, telecommunication, dan banyak lagi; juga dalam bahasa Inggeris banyak peraturan tatabahasa yang *irregular*, yakni tidak konsisten, misalnya tentang *irregular verbs* atau *irregular past tense*. Adakah perkataan yang panjang dan peraturan bahasa yang 'kompleks' itu boleh menyebabkan orang Inggeris berfikiran *irregular*, tak konsisten, kompleks, dan lambat juga? Bahasa Arab dan bahasa Perancis malah lebih 'kompleks' lagi. Adakah ini bererti bahawa fikiran orang Arab dan orang Perancis lebih kompleks, lebih berbelit-belit daripada fikiran orang Melayu atau orang Inggeris? Jawabnya: tidak! Sebabnya, seperti yang telah dibahaskan oleh pihak yang menolak hipotesis ketentuan linguistik, bahasa tidak menentukan fikiran manusia. Fikiran manusia tidak boleh 'diubah', 'dipercepat' atau 'dilambatkan' dengan mengubah peraturan bahasanya dengan menggantikan peraturan yang sudah ada sejak asal terjadinya bahasa itu dengan peraturan yang dianggap boleh mengubah cara berfikir manusia itu.

Sebenarnya, cara berfikir yang dikatakan bercorak jadali, dualistik-dialektik, sintesis, analogis dan hierarkikal, dan kategorikal itu bukan proses linguistik tetapi ialah proses mental, yakni cara manusia menanggapi alamnya; mereka membentuk konstruk mental atau konstruk teoritis tertentu untuk menciptakan makna, konsep dan sebagainya. Semua bangsa lain mempunyai atau boleh mempelajari kaedah berfikir yang berbeza-beza itu; cuma ada bangsa yang menggunakan kaedah tertentu untuk berfikir.

Perbezaan Perkataan Tidak Bererti Perbezaan Konsep/ Pandangan Dunia

Ada pengkaji yang menganggap bahawa perkataan boleh menunjukkan perbezaan fikiran atau budaya antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Contoh popular yang digunakan untuk membuktikan pendapat ini ialah bangsa Eskimo yang dikatakan mempunyai banyak perkataan untuk berbagai jenis salji. Dalam bahasa Inggeris hanya ada satu perkataan sahaja,

iaitu *snow*. Contoh lain yang dapat kita berikan ialah, dalam bahasa Melayu terdapat tiga perkataan untuk membezakan makna 'padi', 'beras' dan 'nasi', tetapi bahasa Inggeris mempunyai satu perkataan sahaja, iaitu *rice*. Begitu juga, dalam bahasa Melayu terdapat beberapa banyak perkataan yang menunjukkan berbagai-bagai 'cara mengangkat' barang, misalnya: jinjit, jinjing, kelek, kendong, dukung, pikul, tatang (menatang), usung, junjung, kandar (mengandar), manakala dalam bahasa Inggeris tidak ada perkataan untuk kelek, kendong, dan pikul, misalnya. Tetapi ini tidak membuktikan bahawa bangsa Eskimo, bangsa Inggeris dan bangsa Melayu, secara fundamentalnya, mempunyai fikiran yang berlainan tentang 'benda' atau 'perbuatan' yang dilambangkan dengan kata-kata yang berbeza-beza itu. Dalam bahasa Inggeris sudah wujud perkataan seperti *slush*, *sleet* dan *blizzard* untuk menyatakan jenis-jenis salji orang Eskimo.

Begitu juga, fikiran orang Inggeris tidak 'ditutup' oleh perkataan *rice* itu. Asal sahaja perkataan-perkataan Melayu itu dapat dijelaskan maknanya dalam kamus Inggeris atau dalam otak/fikiran orang Inggeris, maka berertilah mereka dapat memahami pengalaman orang Melayu itu. Mereka tahu (dan tahu bererti proses mental atau fikiran atau proses kognitif) apakah makna 'padi', 'beras' dan 'nasi', walaupun mereka hanya menggunakan satu perkataan sahaja, iaitu *rice*. Mereka boleh berkata *uncooked rice* untuk 'beras' atau meminjam perkataan 'padi' menjadi *paddy*. Ini masalah leksikal, yakni masalah perkataan atau lambang bahasa, bukan masalah kognisi, atau seperti kata Harley (1995/1998: 341), *vocabulary differences reflect experience and expertise*, tetapi, kita tambah, berbezaan perkataan ini tidak menunjukkan perbezaan atau ketidakmampuan daya fikir manusia yang menggunakan bahasa yang berbeza-beza.

Jadi, jikalau orang Melayu tidak mempunyai istilah tertentu dalam bidang sains yang dikembangkan di Barat, ini tidak bererti bahawa bahasa Melayu menutup atau membatasi fikiran atau otak orang Melayu kerana istilah baru boleh sahaja

diciptakan. Yang penting ialah, apakah orang Melayu dapat memahami konsep-konsep sains Barat itu dalam bahasanya sendiri. Jawabnya, tentu boleh. Hari ini ribuan profesor dan ahli sains Melayu mengajar pelbagai bidang ilmu 'sains Barat' di universiti kita dalam BM.

Isu pokok yang cuba ditegaskan oleh pihak yang menolak hipotesis ketentuan linguistik itu ialah, keupayaan kognitif ialah keupayaan yang ada pada semua manusia; ini ciri sejagat manusia – anugerah Tuhan. Walaupun bangsa dan bahasa yang mereka gunakan berbeza-beza, namun mereka dapat memahami satu sama lain melalui akal yang universal/sejagat, sebagaimana difirmankan Allah dalam Al-Quran. Peraturan bahasa mungkin berbeza tetapi 'makna'nya sejagat, yakni tidak berbeza dari segi upaya kognitifnya. Orang Inggeris berkata, *White House*, orang Melayu berkata 'Rumah Putih' – susunan katanya terbalik tetapi maknanya sama. Dalam bahasa Jepun 'kata kerja' terletak di akhir ayat. Whorf mungkin akan berkata, alangkah peliknya cara berfikir orang Jepun kerana meletakkan kata kerja di akhir ayat, tidak seperti fikiran orang Inggeris yang meletakkan kata kerja selepas kata nama dalam konstruksi ayat Subjek + Kata Kerja + Objek! Tetapi dalam bahasa Inggeris kata sendi atau preposisi pun boleh berlaku di akhir ayat atau klausa, contohnya, *the place I went to was quiet*; konstruksi ini tentunya tidak kurang peliknya jikalau kita menterjemahkannya secara harfiah: 'tempat yang saya pergi ke itu sepi'. Begitu juga, kalau ungkapan bahasa Perancis, *comment allez vous* kita terjemahkan sebagai 'bagaimana pergi kamu', nampaknya peliklah fikiran orang Perancis, padahal maknanya yang betul ialah *how are you?* dalam bahasa Inggeris dan 'apa khabar?' dalam BM. Yang penting ialah, perbezaan peraturan bahasa dan leksikal tidak menunjukkan bahawa cara berfikir orang Melayu, orang Jepun, orang Inggeris atau orang Perancis 'ditentukan', 'dibatasi' atau 'dibuka' atau 'ditutup' atau 'diperbezakan' oleh peraturan bahasa dan perkataan yang ada dalam bahasa masing-masing.

Kemajuan Bangsa Tidak Dibatasi oleh Bahasanya

Kesimpulan yang dapat kita buat tentang hipotesis ketentuan linguistik atau *linguistic determinism* ialah, fikiran sesuatu bangsa tidak ditentukan atau dibatasi oleh bahasa asal yang digunakan. Ada pengkritik yang menganggap bahawa hipotesis ini didorong oleh 'ideologi rasis', yang lahirnya daripada paradigma etnosentrisme Eropah (Barat), yang menganggap bahawa tamadun bangsa bukan Eropah tidak maju kerana beberapa sebab, antaranya ialah kerana bahasa orang Eropah dipercayai 'lebih maju' daripada bahasa-bahasa orang lain, misalnya bahasa penduduk pribumi Amerika. Dengan kata lain, sikap etnosentrik atau eurosentrik Eropah ini menganggap bahawa kemajuan fikiran sesuatu bangsa ditentukan atau dibatasi oleh bahasa yang digunakan oleh bangsa itu.

Jadi, jikalau hipotesis ini tidak disanggah, orang yang tidak melihat hipotesis ini secara kritis boleh sahaja berkata bahawa bangsa Melayu, misalnya, tidak mampu berfikiran 'secara abstrak' atau 'secara rasional' atau 'saintifik' kerana bahasa Melayu dikatakan terlalu bersifat 'ekspresif' dan 'estetik', bahasa yang tidak mempunyai perbendaharaan kata atau sistem linguistik yang cukup untuk mengungkapkan hal-hal yang abstrak dan saintifik. Maka kerana itu bahasa Melayu dikatakan terpaksa meminjam kata-kata atau istilah abstrak dari bahasa Sanskrit atau Arab dan seterusnya daripada bahasa Inggeris⁶.

Ijmak ahli bahasa berpendapat bahawa di dunia ini, dari segi sistem linguistiknya, tidak ada bahasa yang boleh dianggap maju atau tidak maju berbanding dengan bahasa lain. Semua bahasa mempunyai sistem linguistik untuk membolehkan penggunaannya mengungkapkan apa jua fikiran, idea, konsep dan ilmu. Hal ini telah kita jelaskan di atas, dan elok kita jelaskan lagi dengan memberikan beberapa contoh tambahan berdasarkan sistem bahasa Melayu. Dalam BM ada peraturan linguistik, iaitu sistem morfologinya, yang dapat menjabarkan kata akar yang sama untuk membentuk kata-kata baru untuk

mengungkapkan pelbagai makna yang berbeza-beza. Contohnya, perkataan 'ada' boleh diperluaskan menjadi 'keadaan', 'berada', 'keberadaan', 'ketidakberadaan', 'ketiadaan', 'adanya', 'seadanya', 'diada-adakan', 'mengadakan', 'mengada-adakan', dan 'mengada', untuk menyatakan makna yang berbeza-beza. Sistem morfologi bahasa Melayu seperti imbuhan serentak *ke-an*, misalnya, merupakan acuan linguistik yang dapat digunakan secara kreatif dan produktif untuk melahirkan kata-kata kompleks untuk melambangkan konsep abstrak. Contohnya: 'kewujudan', 'kebarangkalian', 'keterbukaan', dan sebagainya. Keupayaan menggunakan sistem bahasa Melayu secara kreatif dan produktif bergantung pada keupayaan fikiran atau daya kreatif fikiran pengguna bahasa ini.

Soal yang lebih sukar dijelaskan ialah: mengapakah atau bagaimanakah manusia dapat berfikir sama atau menyatakan perkara yang sama melalui peraturan sistem bahasa yang berbeza-beza. Ada percubaan, misalnya oleh Greenberg, untuk mengkonstruksi *Language Universals*, atau ciri-ciri sejagat bahasa yang memungkinkan manusia berfikir sama melalui peraturan sejagat itu. Misalnya, kebanyakan bahasa mempunyai struktur ayat yang terdiri daripada 'subjek', 'verba' (kata kerja) dan 'objek' atau peraturan SVO, misalnya dalam bahasa Inggeris *He eats rice*, manakala dalam bahasa Melayu peraturannya sama juga, 'Dia memakan nasi'. Tetapi peraturan ini ketara tidak 'sejagat' kerana kita tahu ada bahasa yang kata kerjanya berlaku di akhir ayat, misalnya bahasa Jepun – peraturan SOV. Kalau dalam bahasa Inggeris aturan kata atau *word order* agak tetap, dalam bahasa Melayu aturan katanya lebih bebas. Contohnya: dalam bahasa Inggeris *mad woman* tidak boleh menjadi *woman mad*, tetapi dalam bahasa Melayu susunan kata itu boleh diterbalikkan untuk melahirkan makna yang berlainan. Jadi, 'perempuan gila' boleh berubah kepada 'gila perempuan'.

Lebih baik kalau dikatakan bahawa manusia memahami perkara yang secara sejagatnya sama melalui peraturan bahasa yang mungkin berbeza-beza dan mungkin juga sama. Chomsky bercakap tentang 'parameter' bahasa, seperti suis lampu elektrik. Suis manapun yang dipetik, lampu akan menyala. Mengetahui bahasa-bahasa apa pun bererti mengetahui suis manakah yang patut dipetik untuk membentuk ayat yang betul dalam bahasa itu. Hal yang perlu diingatkan juga ialah, struktur bahasa tidak selalunya 'logikal' atau *rule-governed* seperti yang ditegaskan oleh Noam Chomsky, tetapi juga cukup kreatif dan pragmatik sifatnya. Penyair, misalnya, atau pemantun dan pencipta pepatah dan peribahasa Melayu, misalnya lagi, sering tidak 'mematuhi' peraturan tatabahasa yang *formal*, sebagaimana yang diajarkan dalam buku tatabahasa. Kata-kata fungsi seperti 'bahawa', 'oleh yang demikian', 'ialah', 'adalah', 'telah' tidak digunakan. Tetapi pola atau struktur ayat bahasa Melayu yang pokok, yang asas, atau dengan kata lain, yang gramatis, tetap betul kerana orang Melayu (termasuk penyair dan pemantun) mengetahui bahasa aslinya secara intuitif. Sebagai contoh, apabila orang Melayu berkata 'budak itu jatuh tangga', kita jangan pula menggunakan 'peraturan' yang salah untuk mengatakan bahawa ungkapan itu tidak betul, dengan berkata bahawa ungkapan yang betul ialah 'budak itu jatuh *dari atas* tangga'. Perkataan 'jatuh' juga digunakan secara metaforik, misalnya pada ungkapan seperti 'jatuh hati', 'jatuh kasih' atau 'jatuh cinta' yang tidak bererti 'jatuh dari atas hati'...tetapi bermaksud 'menaruh kasih (cinta) terhadap atau pada seseorang'. Jadi, peraturan tatabahasa apakah yang harus digunakan untuk menjelaskan struktur nahu (linguistik) ungkapan seperti ini?

Selain ini, bahasa juga mempunyai nilai dari segi fungsi sosialnya, yakni penggunaan bahasa ditentukan juga oleh konteks sosial. Dalam komunikasi sosial yang biasa, peraturan bahasa yang 'formal' sering tidak dipatuhi tetapi ragam bahasa sosial itu tentunya tidak salah, misalnya dari segi 'adat berbahasa' dalam budaya Melayu (ini akan dibincangkan

berikutnya). Penggunaan bahasa juga dapat dikaji secara pragmatik, yakni bagaimana orang menggunakan perkataan dalam kehidupan seharian, termasuk kesan perkataan itu terhadap kelakuan atau perasaan manusia dan bagaimana orang membentuk perkataan dan makna sesuai dengan konteks interaksi yang berlaku sebenarnya.

Jadi, salah satu sifat bahasa yang luar biasa ialah sifat kekreatifannya, bukan sahaja secara struktural dan secara leksikal, tetapi juga secara sosiologis dan pragmatik. Dan sifat ini dibentuk oleh keterbukaan minda kognitif manusia. Bahasa harus dapat mendukung kreativiti pemikiran dan imaginasi manusia – kalau tidak bahasa itu akan menjadi kaku, tidak berupaya mengikut rentak dan ragam pemikiran manusia yang cukup beragam. Tentu sahaja bahasa ilmu tinggi, bahasa sains, lebih *formal* sifatnya, menurut 'pemikiran yang *formal*, logikal, dan saintifik'.

Kerelatifan Linguistik

Hal ini membawa kita kepada soal kedua dalam perbincangan ini, iaitu, apakah bahasa yang berbeza-beza itu tidak sedikit pun mencerminkan perbezaan pandangan hidup manusia. Kita sering mendengar orang (termasuk saya sendiri) berkata bahawa identiti bangsa dapat dikenal berdasarkan bahasanya. Tidak ada bangsa di dunia ini, kata orang, yang membentuk tamadunnya melalui bahasa asing. Hal ini memang benar. Budaya atau pandangan hidup sesuatu bangsa dibentuk oleh cara bangsa itu melihat dan memahami alam sekitarnya. Soalnya ialah, bagaimanakah bahasa memainkan peranan membentuk pandangan hidup ini, atau dengan kata lain, bagaimanakah bahasa mencerminkan identiti atau pandangan hidup bangsa itu?

Di sini saya hendak mengemukakan pendapat bahawa di peringkat proses pembentukan identiti atau pandangan hidup sesuatu bangsa, hubungan antara bahasa dengan budaya bangsa itu sangat rapat. Dari segi keupayaan kognitif, yang

sifatnya sejagat, yakni dimiliki oleh semua manusia, manusia memang dapat memahami fikiran sesuatu bangsa, yang menggunakan bahasa yang berbeza-beza, melalui terjemahan. Tetapi ini bergantung pada bahan fikiran yang diterjemahkan itu. Jikalau bahannya bercorak 'objektif', 'logikal' dan 'saintifik', terjemahannya boleh bergantung pada bahasa *literal* atau pada peristilahan yang secara khusus merujuk kepada 'objek' atau 'konsep' yang dapat difahami secara 'saintifik' oleh semua manusia yang mempelajari ilmu itu. Istilah 'saintifik' yang tidak ada dalam satu-satu bahasa boleh sahaja diciptakan atau dipinjam dari bahasa lain untuk menyatakan 'makna' yang belum ada dalam budaya kita atau makna 'sejagat', seperti dalam bidang sains, misalnya. Tetapi perkataan tidak selalunya bersifat *referential*, yakni, tidak selalunya merujuk kepada referen (makna) yang *exact* atau yang mempunyai satu makna sahaja, seperti halnya dalam bahasa saintifik. Dalam ilmu matematik, misalnya, 2 tambah 2 jadi 4, tidak mungkin menjadi 5 atau 10, 'hidrogen' atau 'karbon dioksida' tetap hidrogen dan karbon dioksida, tidak boleh diimajinasikan atau diperluaskan 'makna'nya melalui kata-kata figuratif atau metafora. Ini menunjukkan bahawa fikiran yang logikal atau simbolik tidak perlu bergantung terlalu banyak pada bahasa yang biasa. Banyak isi ilmu sains yang tinggi boleh dikatakan bebas etnik dan bebas budaya, walaupun tidak semestinya bebas nilai. Kerana inilah kita lebih mudah menterjemahkan buku matematik dalam bahasa Inggeris, misalnya, ke dalam bahasa Melayu daripada menterjemahkan karya sastera, seperti novel dan puisi dalam bahasa asing ke dalam bahasa kita, kerana bahasa sains merujuk kepada referen yang dikatakan *exact* dan logikal, jadi referen atau maknanya itu cukup disampaikan dalam satu perkataan atau istilah sahaja, tidak melalui kata-kata polisemantik (yakni, kata yang mempunyai banyak makna), manakala bahasa sastera sering memerlukan beberapa banyak kata untuk memahami isinya yang tidak pernah *exact*, sehingga kerap kali kita tidak berjaya menyampaikan maksud kita sepenuhnya melalui kata-kata yang terdapat dalam kamus bahasa Melayu, lalu kita mengeluh dan berkata 'tiada kata yang

dapat menyampaikan perasaan atau fikiranku ini'. Itulah kadang-kadang kita mendengar orang berkata, 'sebuah gambar lebih bernilai daripada seribu kata' (pepatah Cina), maksudnya, keupayaan minda kita untuk berfikir, merenung, berimajinasi (ini semua adalah proses kognisi) tentang 'makna' gambar itu jauh lebih luas daripada kesan yang dapat disampaikan secara tuntas melalui kata-kata leksikal. Seringkali manusia yang berfikiran kreatif terpaksa, secara sedar atau spontan, menciptakan bahasa figuratif, metaforik dan metonimik untuk mengatasi keterbatasan bahasa literal, lalu melalui proses kognisi seperti itu, lahirlah persepsi atau pandangan hidup yang lebih mendalam, lebih luas, daripada makna luaran yang dibayangkan secara nyata atau secara tersurat melalui bahasa literal. Satu-satu perkataan biasa tidak pernah mengandungi satu makna sahaja. Medan maknanya cukup luas, atau seperti kata Pinker (1995:81), fikiran yang wujud dalam kepala/otak mengandungi *a vast amount of information* (mengandungi jumlah maklumat yang besar). Chomsky (1993) menyatakan hal yang sama apabila dia berpendapat bahawa tiap-tiap perkataan yang digunakan oleh seseorang individu membawa perspektif orang itu sendiri tentang 'benda' atau 'kejadian' yang dilihat dan dialami di sekelilingnya, dan perspektif ini cukup luas, dan tidak semestinya sama dengan perspektif bersama masyarakat bahasanya.

Pendek kata, kamus atau kata-kata leksikal tidak dapat menghuraikan semua makna yang ditanggapi oleh seseorang atau oleh masyarakat pengguna bahasa yang hidup dalam ruang yang dipengaruhi oleh pelbagai variabel sosial, budaya dan pragmatisme komunikasi. Persekitaran atau konteks inilah yang mempengaruhi pengguna bahasa menciptakan kepelbagaian makna yang tidak dapat diterjemahkan sepenuhnya melalui kata-kata leksikal yang terdapat dalam kamus. Minda manusia, dalam hal ini yang kita bicarakan ialah minda Melayu, sentiasa cuba membebaskan fikiran dan perasaannya daripada kongkongan atau keterbatasan bahasa Melayu *literal* untuk melahirkan makna dari 'hati di dalam'

masyarakat yang membentuk realiti dan watak sosial atau budaya individu masyarakat itu. Jadi, cara orang Melayu menyampaikan makna yang mendalam, yang abstrak, ialah dengan menggunakan kata-kata *literal* atau harfiah untuk menyampaikan 'rasa hati'nya dan maksudnya yang mendalam, yang abstrak, *melalui bahasa dan pemikiran metafora*.

Kepintaran Minda Melayu: Berfikir Secara Metaforik

Orang Melayu sudah berfikir kreatif, abstrak dan rasional sejak zaman dahulu kala, malah sebelum mereka mengenal tradisi tulisan. Selain meminjam kata-kata asing untuk menyatakan konsep baru yang abstrak dan metafizikal, seperti perkataan wujud, fana, baqa' dan sebagainya, para pemikir dan seniman Melayu sering mengungkapkan fikiran dan pandangan hidup mereka melalui bahasa metafora. Perkataan 'metafora' ini berasal dari bahasa Greek klasik, *meta + phora*. 'Phora' merujuk kepada perubahan tempat atau lokasi. Aristotles mungkin manusia pertama yang mentakrifkan kata ini. Menurutnya, dalam karyanya *Poetika (Poetics)*, 'metafora' ialah pemberian nama pada benda yang tidak ada pada benda itu, yakni nama itu sebenarnya milik sesuatu yang lain.⁷ Dengan kata lain, metafora ialah penggunaan bahasa "berlapis" (menurut Za'ba 1934) untuk menyampaikan maksud yang abstrak, melalui bahasa literal sebagai struktur lapisan luarannya untuk memprojekkan makna yang bersifat konseptual (makna lapisan kedua) melalui proses perbandingan, perumpamaan, tamsil, ibarat dan sebagainya. Cara berfikir melalui metafora ini banyak terdapat dalam peribahasa, pepatah, pantun, bahkan juga dalam cerita lipur dan hikayat Melayu.

Kita ambil suatu contoh yang mudah: perkataan 'kaki' yang merujuk kepada anggota badan manusia atau haiwan. Perkataan ini sudah digunakan secara metaforik untuk mengungkapkan kreativiti minda kognitif Melayu, misalnya kita berkata 'kaki bukit', 'kaki langit', 'kaki meja', 'kaki kerusi', 'kaki lima', bahkan orang Melayu berupaya pula menggunakan

perkataan ini secara yang lebih kompleks lagi, dari segi semantikanya, untuk menyatakan maksud 'ahli', 'handal', dan 'kuat', misalnya pada ungkapan seperti 'kaki judi', 'kaki botol', 'kaki betina', 'kaki borak', dan 'kaki bola'. Orang Inggeris juga menggunakan perkataan *foot* dalam ungkapan seperti *mountain foot* (= kaki gunung), *table legs* (=kaki meja), tetapi tidak sampai menggunakan perkataan ini untuk menyatakan makna yang sama dengan makna 'ahli' dalam bahasa Melayu. Contoh lain yang lebih 'kompleks' ialah peribahasa seperti 'musang berbulu ayam' yang bermakna orang jahat yang menyamar sebagai orang baik, seperti musang yang cuba membaham ayam dengan 'menyamar' sebagai ayam – entah bagaimana musang melakukan perbuatan penyamaran ini, sukar dibayangkan melalui akal kita, tetapi di sini proses yang berlaku dalam minda pencipta peribahasa ini ialah proses imaginasi yang diilhamkan oleh pengalaman memerhatikan cara musang mengendap ayam.

Bahasa metafora ini tentunya sukar diterjemahkan ke dalam bahasa lain secara metaforik juga, tetapi 'makna dalaman ini' tentu dapat dijelaskan melalui bahasa yang literal. Dan inilah kepintaran minda Melayu. Seperti kata Aristotle, keupayaan bermetafora ialah 'tanda betapa geniusnya (pintarnya) orang itu', sebab 'metafora menunjukkan tanggapan atau persepsi intuitif atau kesamaan dalam ketidaksamaan' (*Poetika*, 1459 a 3-8).

Banyak orang menyangka bahawa bahasa metaforik tidak mengandungi apa-apa makna atau maklumat baru pada perkataan leksikal/*literal* tetapi hanya merupakan bahasa bunga-bunga, perhiasan bahasa semata-mata. Itulah kita kadangkala mendengar orang berkata bahawa orang Melayu pandai bermain dengan kata-kata, berpantun, bergurindam, dan sebagainya tetapi *tidak pandai berfikir!* Sangkaan ini sama sekali salah. Salahnya ialah kerana kita melihat metafora itu dari sudut kata atau perkataan itu sahaja, padahal yang penting ialah metafora ialah bahagian daripada *discourse* atau wacana minda bangsa Melayu yang diturunkan dalam bentuk teks yang besar,

misalnya dalam bentuk korpus pantun atau peribahasa Melayu itu seluruhnya. Teks yang paling kecil, yang perlu kita 'baca' atau teliti untuk memahami bahasa metafora sebagai cetusan keseluruhan minda syumul atau jagat Melayu itu, ialah ayat atau kalimat bahasa Melayu, bukan pada perkataan satu demi satunya sahaja, terpisahkan daripada wacana yang lebih besar.

Lebih penting lagi, minda Melayu dapat diungkapkan dengan kata-kata yang padat dan puitis untuk menyatakan sesuatu nilai atau prinsip hidup yang kira-kira alamiah dan syumul. Sekali lagi, kebolehan kognitif yang bertertib ini banyak sekali dicurahkan dalam bentuk peribahasa dan pepatah Melayu. Satu contoh yang kecil sahaja sudah cukup untuk menjelaskan maksud saya. Ambillah pepatah *alah membeli menang memakai*. Tiga tanda kepintaran berfikir orang Melayu dilambangkan oleh pepatah ini. Pertama, makna pepatah ini sangat mendalam, terbuka dan tahan zaman. Maknanya ialah, biar 'kalah' membeli sesuatu barang dengan membayar harga yang tinggi asalkan kita 'menang' menggunakan barang yang bermutu tinggi dan tahan lama. Kedua, makna yang luas, mendalam dan terbuka ini disampaikan dalam empat patah perkataan sahaja, tidak lebih, tidak kurang. Ketiga, terdapat pada pepatah ini struktur atau gaya puitis atau struktur berangkap dalam satu baris yang terdiri daripada empat kerat perkataan: *alah membeli / menang memakai*. Pepatah ini mungkin sukar diterjemahkan ke dalam bahasa lain, misalnya bahasa Inggeris, dengan mengekalkan ketiga-tiga unsur yang tersebut. Saya teringat Gucci, pereka fesyen Eropah yang terkenal itu, berkata *Quality remains long after the price is forgotten*, maksudnya, 'mutu (sesuatu barang) kekal lama setelah harganya (yang mahal tentunya) dilupai'. Tetapi makna atau fikiran ini disampaikan dalam bahasa prosa, tidak dalam bahasa puisi yang padat isinya. Dalam hal ini, kita boleh bertanya: siapakah yang lebih pintar atau lebih kreatif mindanya: pencipta pepatah Melayu itu atau Gucci? Jawapan saya ialah yang lebih pintar dan kreatif ialah pencipta pepatah Melayu itu.

Kepintaran kognitif orang Melayu menggunakan bahasa puitik untuk mengungkapkan fikirannya yang analogis, alamiah dan abstrak lebih terserlah dan lebih kompleks lagi dalam pantun. Bagi saya rangkap 'pembayang maksud' dan rangkap 'maksud' dalam pantun empat kerat menunjukkan bagaimana minda Melayu dapat menyatukan imajinasinya dengan akalinya. Orang percaya bahawa imaginasi terletak di otak sebelah kanan manakala proses akal yang rasional dan realistik letaknya di bahagian otak sebelah kiri.⁸ Manusia yang geliga, seperti Einstein, dikatakan mempunyai kebolehan berfikir secara intuitif dan rasional serentak. Beliau pernah berkata bahawa *imagination is more important than knowledge*. Jikalau ini benar – dan saya percaya ini memang benar – maka dalam budaya Melayu banyaklah orang yang geliga. Jikalau orang Melayu mampu berfikir dalam bahasa yang padat, bernas, melalui bahasa metaforik, yang diungkapkan pula melalui struktur yang kompleks seperti yang dilakukan dalam pantun dan peribahasa Melayu, apalah payahnya untuk mereka berfikir secara saintifik dengan menggunakan bahasa yang hanya memerlukan sekumpulan istilah khusus yang dengan mudah dapat diciptakan secara leksikal, tidak secara figuratif dan metaforik. Dua campur (tambah) dua – ini bahasa matematik – tidak sepayah memahami konsep yang disampaikan melalui bahasa puitik seperti 'alah membeli menang memakai'. Yang penting ialah, kata-kata itu, baik yang bersifat leksikal dan *literal*, mahupun yang bersifat metaforik, diungkapkan dan diolah-olah menurut atau berdasarkan acuan linguistik atau struktur bahasa Melayu, iaitu peraturan tatabahasanya, yang mungkin berbeza-beza di sana sini dengan sistem bahasa lain, tetapi upayanya untuk mengungkapkan fikiran, intuisi dan imaginasi manusia tidak terbatas.

Huraian di atas dapat kita gunakan sebagai kerangka untuk menjelaskan soal bagaimana bahasa, *setakat tertentu, mencerminkan* minda atau identiti budaya bangsa yang menggunakan bahasa itu. Dalam bidang budaya, manusia

sering menciptakan 'makna dalaman' yang merujuk kepada pengalaman sosiobudaya, seperti *adat*, dan pengalaman sosiopsikologis (seperti fenomena *latah*), yang tidak terdapat dalam pengalaman budaya bangsa asing. Sering kali pengalaman ini diungkapkan melalui bahasa metafora.

Bahasa sebagai Alat Peradaban Melayu

Hal ini membawa kita balik kepada soal yang awal tadi: jikalau bahasa tidak menentukan fikiran manusia, atau jikalau bahasa yang berbeza-beza tidak menandakan perbezaan pandangan hidup yang berbeza-beza, apakah masih relevan kalau kita berkata bahawa bahasa Melayu menandakan identiti atau jati diri peradaban Melayu? Soal ini sukar dijawab sepenuhnya dalam tulisan ini. Tetapi secara ringkasnya, dapat dikatakan bahawa tamadun atau peradaban sesuatu bangsa merupakan koleksi pandangan atau nilai hidup bersama bangsa itu. Pandangan atau nilai hidup ini terbentuk melalui pengalaman sejarah, budaya, pemikiran dan interaksi masyarakat bangsa itu dengan alam sekitarnya, dan pandangan hidup ini dicerminkan dalam pelbagai bentuk 'ungkapan', sistem kepercayaan, dan institusi sosial dan budaya, misalnya melalui kegiatan seni (muzik, tarian, ukiran, dll.), kesusasteraan, karya-karya ilmu, sistem perhubungan antara manusia, sistem pemerintahan, dan sebagainya. Bertolak dari takrif ini, kita boleh bertanya, apakah peranan bahasa Melayu dalam proses penciptaan dan pembentukan tradisi bangsa Melayu, tradisi yang kita sebut peradaban atau tamadun itu? Dalam hal ini, kita perlu menyedari bahawa tidak semua hasil tamadun itu atau pandangan atau nilai hidup bangsa itu diungkapkan melalui bahasa. Ada aspek daripada hasil tamadun itu yang diungkapkan secara visual dan melalui gerak geri, misalnya dalam bentuk seni ukiran dan seni tarian. Ada hasilnya yang asalnya disampaikan secara lisan, misalnya cerita rakyat atau lipur lara yang kemudiannya diaksarakan, yakni disalin dalam bentuk tulisan (lalu dapat dibaca). Seni muzik pula 'diperdengarkan', jadi makna atau nilai muzik itu perlu dihayati

Jadi, apabila kita berkata bahawa bahasa (ini tentunya termasuk bahasa lisan) mencerminkan minda, atau tamadun atau peradaban bangsa Melayu, kita perlu juga memikirkan budaya visual atau budaya pandang-dengar untuk memahami minda Melayu itu secara lengkap. Apakah, misalnya, tarian atau lagu Melayu yang dikatakan 'lemah gemalai' atau 'lemah lembut' itu membayangkan bahawa orang Melayu adalah bangsa yang 'lemah lembut', yakni tidak kasar? Adakah lagu-lagu Melayu tradisional, seperti lagu 'Tudung Periuk', menunjukkan bahawa orang Melayu ialah bangsa yang romantik, suka menyerah kepada keadaan, suka mendayu dan merayu-rayu, tetapi tidak dinamik? Jawabannya elok diserahkan kepada pakar-pakar muzik dan tarian tradisional Melayu. Saya cuma menyebut hal ini untuk mengingatkan kita bahawa ungkapan non-tekstual juga penting diambil kira untuk memahami minda dan kelakuan bangsa Melayu.

Bahasa memang mencerminkan minda bangsa. Tetapi perkataan 'mencerminkan' ini tidak sama dengan perkataan 'menentukan' fikiran manusia, seperti yang diandaikan oleh hipotesis *linguistic determinism*. Perkataan 'mencerminkan' merujuk kepada proses pembentukan realiti sosial atau *the construction of social reality* yang berlaku dalam sesebuah masyarakat melalui penggunaan bahasa.

Manusia selalu mencuba mengungkapkan perasaan dan fikiran yang lebih mendalam daripada makna yang dapat disampaikan melalui bahasa *literal* dengan menggunakan bahasa kiasan, bahasa perumpamaan, bahasa ibarat – pendek kata bahasa metaforik – untuk menyatakan fikiran yang tidak hanya *linear* sifatnya tetapi *lateral* atau bercambah sifatnya. Kaedah berfikir dan ungkapan inilah yang banyak sekali terdapat dalam korpus kesusasteraan Melayu tradisional. Dalam bahasa metafora terdapat makna 'dalaman', atau makna 'tersirat' yang membayangkan pengalaman 'rasa hati' tertentu sesuatu bangsa Melayu yang tidak dialami oleh bangsa lain yang hidup di alam fauna dan flora yang mungkin berlainan. Alam yang

berbeza ini tentu mempunyai pengaruh yang tidak sama terhadap minda dan kelakuan sosial dan budaya manusia. Walaupun makna yang diungkapkan melalui bahasa metaforik yang terbentuk daripada pengaruh alam yang berbeza ini, dapat diterjemahkan ke dalam bahasa lain, maksud yang dapat ditangkap melalui proses terjemahan ini mungkin maksud 'luaran'nya sahaja tetapi mungkin tidak maksudnya yang lebih mendalam daripada itu. Misalnya, peribahasa 'musang berbulu ayam' dapat dijelaskan makna luarannya atau makna literalnya dalam bahasa Inggeris, misalnya, tetapi perkataan 'musang' dan 'bulu ayam' itu khusus ciptaan kreativiti imaginasi dan fikiran orang Melayu berdasarkan pengalaman yang lahir dari alamnya sendiri.

Jadi, walaupun pada prinsipnya berbezaan perkataan antara bahasa-bahasa di dunia ini tidak menandakan perbezaan upaya kognisi antara manusia dari pelbagai tamadun yang berlainan, ini tidak bererti bahawa pemahaman atau perspektif manusia (istilah Chomsky, tersebut di atas) terhadap 'makna dalaman' perkataan itu semuanya sama. Hal ini lebih berkait dengan kata-kata yang tidak melambangkan referen atau objek yang konkrit seperti 'padi', 'beras' dan 'nasi' atau *snow* (salji), tetapi lebih berkait dengan kata-kata atau ungkapan yang sudah bercorak metaforik atau kata-kata 'abstrak'. Dalam budaya atau bahasa Melayu terdapat banyak ungkapan metaforik yang dapat kita tafsirkan sebagai ungkapan yang, secara khusus atau indigenus, mewakili atau mencerminkan pandangan atau falsafah hidup bangsa Melayu.

Contoh lain yang lebih kuat dapat kita lihat pada kebijaksanaan minda Melayu mencipta makna melalui mitonimi atau melalui perlambangan. Dalam bahasa Melayu unsur daripada alam flora dan fauna, misalnya 'bunga' dan 'kumbang', diumpamakan dengan manusia, yakni 'bunga' ialah gadis 'yang belum disunting' manakala 'kumbang' ialah pemuda yang cuba 'memetik' bunga itu, seperti kumbang yang tertarik dengan bunga kerana keharuman baunya, mungkin, atau kerana manisnya.

Contoh lain dapat kita lihat pada penciptaan makna melalui naratif atau cerita, misalnya cerita tentang Mat Jenin, Pak Pandir, Lebai Malang, dan Pak Kaduk yang dikiaskan pada manusia yang suka berangan-angan (Mat Jenin) tetapi tidak berusaha untuk mencapai cita-citanya, atau manusia yang tamak (Lebai Malang) yang akhirnya kehilangan segala-gala yang ada padanya, atau manusia seperti Pak Kaduk yang 'menang sorak tetapi kampungnya tergadai', atau manusia seperti Pak Pandir yang 'bodoh-bodoh alang', manusia yang tidak berfikir apabila membuat sesuatu, lalu menyesal. Dalam tamadun bangsa-bangsa lain terdapat juga watak-watak rekaan atau *fiction* yang akhirnya, disebabkan kuasanya mempengaruhi minda manusia, diabadikan dalam minda bangsa itu sebagai wacana kiasan atau wacana metonimik bangsa itu. Melalui teknik cerita atau lipur lara rakyat inilah lahir kata-kata seperti 'Pak Pandir' dan sebagainya itu yang melambangkan fikiran atau nilai Melayu tentang kelakuan manusia.

Daripada contoh ini, kita dapat berkata bahawa yang mempengaruhi minda Melayu sebenarnya bukan bahasanya *per se*, yakni bahasa *literal*, tetapi ialah metaforanya atau metoniminya.

Akal budi dan Budi Bahasa dalam Budaya Melayu

Dalam budaya Melayu, 'akal budi' dan 'budi bahasa' membayangkan bahawa di peringkat pencetusan minda Melayu yang lebih indigenus atau peribumi sifatnya, bahasa dan akal (yakni, fikiran) atau bahasa dan budi (kelakuan manusia) nampaknya tidak terpisah. Hal ini dapat kita kaji berdasarkan beberapa keadaan yang menunjukkan bagaimana bahasa Melayu boleh mempengaruhi *sikap* atau *perasaan* orang Melayu. Keadaan yang pertama berkaitan dengan kata-kata 'bahasa menunjukkan bangsa'. Kata-kata ini merujuk kepada pengaruh bahasa sebagai fenomena atau sistem sosial, tidak sebagai sistem yang mewakili kognisi manusia. Dalam konteks masyarakat Melayu, kata-kata ini sebenarnya berhubung dengan fungsi bahasa sebagai penanda kedudukan sosial anggota

masyarakat. Kata-kata lain yang digunakan dalam masyarakat Melayu ialah, 'orang yang tidak tahu bahasa' yang bererti, orang yang tidak beradat, atau 'orang yang tahu bahasa', yang bererti, orang yang tahu adat. Jadi, orang yang menggunakan ragam bahasa yang rendah, bahasa 'engkau dan aku', atau dialek bahasa Melayu, dianggap sebagai orang yang bertaraf rendah dalam masyarakat, manakala orang yang menggunakan bahasa Melayu tinggi, 'bahasa berpatik-patik', misalnya, dianggap sebagai golongan kelas sosial tinggi, misalnya sebagai orang bangsawan, atau sebagai orang yang terpelajar, berakhlak mulia dan sebagainya, walaupun hal ini belum tentu benar dari segi fakta empirikalnya. Namun, dari segi ini dapat kita katakan bahawa ragam-ragam tertentu bahasa Melayu boleh mempengaruhi pandangan sosial anggota masyarakat terhadap golongan tertentu. Tetapi ragam-ragam bahasa ini tidak menentukan cara berfikir orang Melayu sebagai proses kognitif.

Kedua, dari segi implikasi nilai budaya atau psikologi sosial pula, ada perkataan tertentu yang boleh mempengaruhi perasaan atau nilai moral anggota masyarakat. Misalnya, perkataan 'sundal', 'babi', 'bapok', 'barua', atau kata-kata kasar, tidak manis, yang selalu terpancut dari mulut orang yang sedang melatah atau sedang marah, boleh dianggap sebagai kata-kata pantang larangan (*taboo*) di kalangan sebahagian golongan masyarakat kerana konotasinya dianggap buruk, jadi mereka berasa tidak sedap hati untuk menggunakan kata-kata ini dalam keadaan biasa, melainkan dalam keadaan marah, orang boleh jadi akan menggunakan kata-kata seperti ini sebagai kata makian dan sumpahan. Kata-kata ini juga boleh mempengaruhi perasaan atau nilai moral seseorang. Contoh-contoh bahasa sosial atau 'bahasa budaya asli Melayu' dapat kita gunakan untuk mengkaji setakat manakah bahasa Melayu membentuk dan mempengaruhi pemikiran sosial dan budaya tertentu yang berlainan daripada pandangan atau nilai hidup bangsa-bangsa lain. Unsur kelakuan sosial atau sosiopsikologi seperti yang dicerminkan oleh kata-kata seperti 'melatah', 'mencarut', 'mengamuk', 'senda gurau', 'usik mengusik', 'kiasan' dan ibarat

sebagaimana dicetuskan dalam pantun Melayu, misalnya, dapat kita anggap sebagai warisan asli budaya rakyat Melayu yang lahir dalam dunia Melayu yang mempunyai persekitaran yang berbeza. Walaupun perkataan-perkataan ini dapat difahami maknanya oleh bangsa-bangsa lain melalui penjelasan leksikal, pengalaman sosial dan budayanya khusus Melayu.

Kesimpulan

Bahasa yang diciptakan melalui interaksi antara manusia Melayu dengan alamnya sendiri – bahasa inilah, khususnya dalam bentuk metaforanya, yang mencerminkan kreativiti pemikiran Melayu itu, dan melalui proses inilah pandangan hidup bangsa Melayu dapat dikatakan relatif kepada tamadun atau budaya Melayu sahaja. Yang penting diingat ialah, bahasa Melayu tidak membatasi fikiran atau minda Melayu. Minda Melayu yang terbuka dan kreatiflah yang mencipta bahasa Melayu yang kreatif atau *generative* untuk mengungkapkan pemikiran dan 'rasa hati' Melayu yang kreatif itu. Kaedah linguistik yang digunakan, secara sedar atau tidak sedar, oleh pemikir, seniman dan sasterawan Melayu 'tradisional' itu ialah, melalui bahasa *non-harafiah*, yakni melalui metafora atau istiarah untuk mengungkapkan pemikiran dan pandangan hidup yang bercorak konseptual atau abstrak. Bahasa inilah yang boleh kita kaji untuk melihat setakat manakah pandangan hidup Melayu itu berbeza daripada pandangan hidup bangsa-bangsa lain, atau pandangan hidup yang relatif pada budaya Melayu sahaja.

Nota Kaki

¹ Ahli-ahli behaviorisme, terutama John W. Watson (1924), B.F. Skinner (1957), Vygotsky (1986) dan Gilbert Ryle (1949) mempunyai pendapat yang berbeza. Bagi mereka pemikiran bergantung pada bahasa. Vygotsky (1986: 6-9), misalnya, berpendapat bahawa pemikiran dan bahasa adalah satu, bahawa *word-meaning* atau 'makna kata' ialah pemikiran dan bahasa serentak, tidak terpisah. Ahli *behaviorisme* percaya bahawa pemikiran ialah sejenis 'kelakuan' atau *behavior* yang dapat dilihat dalam bentuk bahasa dan oleh yang demikian, kewujudannya mestilah dapat dilihat di luar diri manusia itu. Ini bererti bahawa mereka tidak mempercayai adanya *mental process* atau proses mental dalam diri manusia itu. Watson berkata bahawa '*...thought is, in short, nothing but talking to ourselves*'. Ryle juga berkata bahawa '*thinking is talking to oneself in silence*.' Dan Skinner berkata bahawa '*...thought is simply behavior – verbal or non-verbal, covert or overt*'. Jadi, Skinner (malah juga ahli bahasa deskriptif Amerika yang terkenal, L. Bloomfield) percaya bahawa pengucapan manusia (bahasa) terbentuk melalui proses *stimulus* (dorongan) dan *response* (balasan). Misalnya: (a) 'Awak hendak ke mana?'. Ini dianggap *stimulus*. Responnya mungkin (b) 'Saya hendak ke bandar'. Malah, kata-kata dalam ayat dianggap sebagai deretan yang dihasilkan oleh *stimulus* dan *response*. Misalnya, dalam ayat (a) 'awak' ialah *stimulus* dan 'hendak' ialah *response*, dan begitulah seterusnya. Skinner menganggap bahawa manusia adalah seperti haiwan (tikus dan burung merpati, yang menjadi 'objek' kajiannya tentang kelakuan organisma) yang kelakuannya (termasuk bahasa bagi manusia) boleh di *condition* atau *distimuluskan* untuk melahirkan *response* tertentu). Teori yang pelik ini telah dimusnahkan oleh Noam Chomsky, ahli bahasa yang sangat berpengaruh sejak tahun lima puluhan, yang terkenal dengan pendapatnya bahawa pengetahuan bahasa bersifat *innate*, yakni asliah, bererti dalam otak manusia sudah wujud 'fakulti bahasa' yang membolehkan manusia mengetahui bahasa secara intuitif.

² Hipotesis ini, khususnya versi yang lembut, sebenarnya dapat dirunuti sejak zaman William von Humboldt (1767 – 1835), bangsa Prusia-Jerman, yang berpendapat bahawa bahasa ialah 'cermin fikiran' atau minda manusia yang menggunakan bahasa itu. Tetapi walaupun Humboldt percaya bahawa bahasa yang berbeza-beza membentuk pandangan jagat atau *weltanschauung* yang berbeza-beza, dia juga percaya bahawa bahasa mempunyai ciri-ciri sejagat yang membolehkan penggunaannya mengungkapkan ciri-ciri fikiran yang sejagat. Dia tidak menganggap bahawa bahasa 'menentukan' fikiran manusia. Lihat Humboldt dan pengenalan Michael Losonsky (Ed.) 1999. Dalam *Humboldt On Language*:

On The Diversity of Human Languages, Construction and its Influence on the Mental Development of the Human Species. U.K: Cambridge University Press.

³ '...users of markedly different grammars are pointed by their grammars towards different types of observations and different evaluation of externally similar acts of observation, and hence are not equivalent as observers but must arrive at somewhat different views of the world (Whorf 1940: 221).

⁴ Hampir semua pengkaji hipotesis *linguistic determinism*, setakat yang dapat saya kaji daripada kepustakaan yang sempat saya baca setakat ini – antaranya lihat Bahan Rujukan - menolak hipotesis ini. Beberapa orang, termasuk George Lakoff (1987) dan Penny Lee (1996), cuma menyokong atau lebih tepat, percaya bahawa hipotesis *linguistic relativity* tidaklah seburuk *linguistic determinism*, tetapi bukti empirikalnya sangat sedikit dan masih meragukan.

⁵ Masalah si penterjemah tidak berjaya melakukan terjemahan dengan baik, boleh jadi disebabkan dua hal: pertama, dia tidak ahli dalam bidang ilmu yang diterjemahkannya, dan kedua, penguasaan bahasa Inggerisnya dan penguasaan bahasa Melayunya mungkin tidak baik.

⁶ Soal *linguistic determinism* ini pernah menjadi bahan perbalahan antara Mangantar Simanjuntak dengan Tham Seong Chee. Perbahalahan ini timbul apabila Simanjuntak 'menuduh' Tham mengatakan bahawa fikiran Melayu, terutama fikiran 'orang kampung', dipengaruhi oleh bahasa Melayu. Tham menafikan 'tuduhan' ini sekeras-kerasnya. Lihat makalah Simanjuntak *The Malay Language and the World-view of Its Speakers* dalam *Jurnal Persatuan Linguistik*, Jilid 1, Bilangan 1, 1983, dan ulasan Tham Seong Chee terhadap makalah itu dalam *Jurnal Persatuan Linguistik*, Jilid 2, 1986/87. Lihat juga Tham Seong Chee, *Language and Cognition: An Analysis of the Thought and Culture of the Malays*; Chopman, Singapore, 1977.

⁷ Lihat Aristotle, *Poetics*, terjemahan Ingram Bywater, dalam *Basic Works of Aristotle*. New York: Randon House, 1941.

⁸ Hal ini telah dibuktikan melalui pembedahan '*split-brain surgery*' yang dilakukan oleh Roger Sperry dari Institut California, A.S dalam tahun-tahun 1970-an terhadap pesakit otak.

Bibliografi

- Bakker S.J. 1984. *Sejarah falsafat dalam Islam*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Chomsky, N. 1993. *Language and thought*. California: Moyer Bell.
- Crystal, D. 1994. *Dictionary of language and languages*. London: Panguin Books.
- Foley, W. 1997. *Anthropological linguistics: An introduction*. Oxford : Blackwell Publishers.
- Harley, T.A. 1998. *The psychology of language: From data to theory* London: Psychology Press
- Jackendoff, R. 1994. *Patterns in the mind: Language and human nature*. New York: Basic Books.
- Lakoff, G. 1986. *Women, fire and dangerous things: What categories reveal about mind*. London: University of Chicago Press.
- Lakoff, G. dan Johnson, M. 1981. *Metaphors we live by*. Chicago: University of Chicago Press.
- Lee, P. 1996. *The whorf theory complex: A critical reconstruction*. Amsterdam: John Benjamins Pub. Company.
- Pinker, S. 1995. *The language instinct: How the mind creates language*. New York: Harper Perennial.
- Sapir, E. 1984. *Selected writings in language culture and personality* [ed. Manbelbaum, David G, with an epilogue by Dell H. Hymes]. New York: University of California Press.

- Steinberg, D. 1982. *Psycholinguistics: Language mind and world*. London: Longman.
- Ungerer, F. dan Schmid, H.J. 1996. *An introduction to cognitive linguistics*. London: Longman.
- Vygotsky, L. 1986. *Thought and language* [trans. newly revised and edited by Alex Kozulin]. Massachusetts: The Massachusetts Institute of Technology.
- Whorf, B.L. (1956). *Language, thought, and reality: Selected writings by Benjamin Lee Whorf*. ed. with intro. by John B. Carroll. Mass.: MIT Press.
- Za'ba (1934/Edisi Ejaan Baharu 2002, diperkenalkan oleh Asmah Haji Omar). *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.